

D.R. 8/2022

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Kawalan Padi dan Beras 1994.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kawalan Padi dan Beras (Pindaan) 2022.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan kepala Bahagian II

2. Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 [*Akta 522*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam kepala Bahagian II dengan memasukkan selepas perkataan “KETUA PENGARAH” perkataan “DAN TIMBALAN KETUA PENGARAH”.

Pindaan seksyen 3**3. Seksyen 3 Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan “**Ketua Pengarah**” perkataan “**dan Timbalan Ketua Pengarah**”;
- (b) dalam subseksyen (1)—
 - (i) dengan memotong perkataan “, melalui pemberitahuan dalam *Warta*,”; dan
 - (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “Ketua Pengarah” perkataan “dan seorang atau apa-apa bilangan pegawai awam menjadi Timbalan Ketua Pengarah”; dan
- (c) dalam subseksyen (2), dengan memasukkan selepas perkataan “Ketua Pengarah” perkataan “dan Timbalan Ketua Pengarah”.

Seksyen baharu 28A**4. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 28 seksyen yang berikut:****“Pengkompanaan kesalahan**

28A. (1) Menteri boleh, dengan kelulusan Pendakwa Raya, membuat peraturan-peraturan menetapkan—

- (a) mana-mana kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini sebagai suatu kesalahan boleh kompaun; dan
- (b) kaedah dan tatacara untuk mengkompaun kesalahan itu.

(2) Ketua Pengarah boleh, dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya, pada bila-bila masa sebelum pertuduhan dimulakan, mengkompaun apa-apa kesalahan yang ditetapkan sebagai suatu kesalahan yang boleh kompaun dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki dengan munasabah telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaun kesalahan itu dengan membayar kepada Ketua Pengarah suatu amaun wang yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada amaun denda maksimum yang orang itu boleh dikenakan jika dia telah disabitkan atas kesalahan itu, dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran bertulis itu.

(3) Suatu tawaran di bawah subseksyen (2) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan dilakukan, tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya telah dimulakan.

(4) Jika jumlah yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran atau tempoh lanjutan sebagaimana yang diberikan oleh Ketua Pengarah, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(5) Jika sesuatu kesalahan telah dikompaun di bawah seksyen ini—

(a) tiada pendakwaan boleh dimulakan berkenaan dengan kesalahan terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu dibuat; dan

(b) apa-apa dokumen atau barang yang telah disita yang berkait dengan kesalahan itu boleh dilepaskan oleh Ketua Pengarah, tertakluk kepada apa-apa terma yang difikirkan wajar oleh Ketua Pengarah.

(6) Semua jumlah wang yang diterima oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* dan *3* masing-masing bertujuan untuk meminda seksyen 2 dan 3 Akta 522.

Fasal 3 bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk melantik seorang atau apa-apa bilangan pegawai awam menjadi Timbalan Ketua Pengarah untuk membantu Ketua Pengarah dalam melaksanakan kewajipan dan fungsi yang diberikan kepadanya di bawah Akta 522 manakala *fasal 2* adalah pindaan berbangkit daripada pindaan yang dibuat kepada seksyen 3 Akta 522.

4. *Fasal 4* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 28A ke dalam Akta 522. Cadangan seksyen baharu 28A memberi Menteri kuasa, dengan kelulusan Pendakwa Raya, untuk menetapkan melalui peraturan-peraturan kesalahan yang boleh dikompaun dan kaedah dan tatacara bagi mengkompaun kesalahan. *Fasal* ini selanjutnya mengadakan peruntukan mengenai kuasa Ketua Pengarah untuk mengkompaun kesalahan dengan izin bertulis Pendakwa Raya.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U2)3214]